



KEMENTERIAN KEWANGAN

PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 3 TAHUN 2011

PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERSARA

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan untuk meraikan pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian/ Jabatan Kerajaan adalah dibenarkan untuk meraikan pegawai-pegawai yang bersara. Peraturan mengenai perkara ini telah ditetapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2001. Selaras dengan keadaan semasa, Perbendaharaan bersetuju supaya peraturan tersebut disemak semula.

PERATURAN

3.1 Jamuan

Kadar penyediaan jamuan untuk pegawai bersara dan jemputan adalah tidak melebihi RM30 seorang. Bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada mereka yang benar-benar perlu sahaja.

3.2 Cenderamata

Pegawai yang bersara boleh diberikan cenderamata yang sesuai atas kadar keseluruhannya tidak melebihi RM400 seorang.

3.3 Sijil Penghargaan

Pegawai yang bersara boleh diberikan sijil penghargaan.

3.4 Syarat-Syarat

- 3.4.1 pegawai Perkhidmatan Awam yang layak diraikan terdiri daripada pegawai yang bersara wajib, bersara atas sebab kesihatan dan bersara pilihan;
- 3.4.2 bagi pesara pilihan, pegawai hendaklah telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang daripada 15 tahun;
- 3.4.3 bagi pesara yang bersara atas sebab kesihatan, pegawai boleh diraikan tanpa mengambilkira tahun perkhidmatan pegawai dengan Kerajaan;
- 3.4.4 majlis hendaklah dirancang dan diadakan sekali setahun sahaja. Setakat mana yang boleh, majlis hendaklah diadakan di peringkat Kementerian yang meliputi semua Jabatan dan agensi di bawahnya;
- 3.4.5 pegawai layak diraikan sekali sahaja sama ada dianjurkan oleh Kementerian atau Jabatan;
- 3.4.6 majlis hendaklah seboleh-bolehnya diadakan di perkarangan atau dalam kawasan Kementerian/ Jabatan masing-masing; dan
- 3.4.7 majlis seboleh-bolehnya hendaklah diadakan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan untuk mengelakkan perbelanjaan kepada pegawai seperti perbelanjaan perjalanan dan penginapan sekiranya pegawai berpindah ke tempat lain selepas bersara.

PERATURAN LAIN

- 4.1 Kementerian/ Jabatan yang berhasrat untuk mengadakan majlis melebihi kadar yang dinyatakan di atas, boleh menampungnya melalui sumber lain seperti Kelab Kebajikan dan Sukan atau sumbangan daripada pegawai lain.
- 4.2 Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelaksanaan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya oleh Kementerian/ Jabatan masing-masing.
- 4.3 Pesara yang dijemput untuk menghadiri majlis ini dan hadir ke majlis tersebut adalah layak membuat tuntutan perjalanan yang munasabah berdasarkan kadar kelayakan sebelum bersara. Pembayaran bagi tuntutan ini adalah dibayar oleh jabatan asal sebelum bersara.

PEMAKAIAN


5. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2011.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 tahun 2001 dibatalkan.



(Tan Sri Dr. Wan Abd. Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya

2 November 2010

s.k.:

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan